

# Chen Dewei dalang Macau Scam ditahan

*Ketua sindiket penipuan dicekup bersama enam lagi suspek*

Oleh Hafidzul Hilmie  
Mohd Noor

hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dalang utama sindiket Macau Scam dan judi dalam talian yang menghubungkan antara sindiket Malaysia dan China antara 130 individu yang ditahan polis dalam operasi khas pada 15 hingga 20 Oktober lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Huzir Mohamed berkata, lelaki berusia 31 tahun dikenali sebagai Chen Dewei itu ditahan bersama enam lagi individu di Mont Kiara disini, ketika operasi dijalankan.

Suspek ini adalah ketua sindiket Macau Scam dan berperanan sebagai penghubung antara sindiket di Malaysia dan China.

"Pemeriksaan mendapati suspek juga termasuk dalam senarai orang dikehendaki oleh pihak berkuasa China kerana kesalahan Macau Scam," katanya pada sidang media di Bukit Aman disini, semalam.

Huzir berkata, Chen Dewei kini bersama enam yang

Mereka akan dihadapkan ke Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) 8 Januari depan selepas tamat reman selama 38 hari"

Huzir Mohamed



lain iaitu lima warga China dan seorang warga tempatan dalam tahanan mengikut Seksyen 4(2)(a) iaitu selama 38 hari.

"Mereka akan dihadapkan ke Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) 8 Januari depan selepas tamat reman selama 38 hari.

"Susulan tangkapan sindiket terbabit, polis menerusi Op Dadu Centre melakukan beberapa serbuan dan menahan 130 individu,

yang 87 daripadanya dike-nakan reman mengikut Seksyen 4(2)(a) iaitu selama 38 hari.

"Seramai 19 lagi individu kini dalam siasatan Akta Pencegahan Jenayah (Poca) manakala 13 lagi dibebaskan," katanya.

Huzir berkata, empat individu yang ditahan sebelum iaitu Goh Leong Yeong atau Alvin Goh, Addy Kanna serta dua lagi anggota polis

ditahan mengikut Akta Pencegahan Jenayah (Poca) selama dua tahun.

"Semua hukuman tahanan dua tahun itu diputuskan Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ), Kementerian Dalam Negeri, Jumaat lalu.

"Keempat-empat individu terbabit akan dihantar ke tiga Pusat Pemulihan Khas (PPK) iaitu di Simpang Renggam, Bentong dan Pokok Sena," katanya.